

3528/2
Sains Pertanian
Kertas 2
Okt / Nov 2008
2 jam



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN
TINGKATAN EMPAT
2008

SAINS PERTANIAN

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Jawab semua soalan daripada Bahagian A, satu soalan daripada Bahagian B dan satu soalan daripada Bahagian C.*
2. *Setiap soalan diperuntukkan 15 markah*
3. *Tuliskan nombor kad pengenalan dan angka giliran pada semua kertas jawapan yang anda serahkan*

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

Bahagian A

Jawab semua soalan.

1. Terangkan.
 - (a) **Empat** kaedah untuk mendapat cahaya optimum dalam pengeluaran tanaman. [8 markah]
 - (b) **Tiga** penggunaan pengawalatur pertumbuhan. [7 markah]

2. Terangkan **tiga** kelebihan dan tiga kelemahan kawalan perosak secara kimia berbanding kaedah biologi. [15 markah]

Bahagian B

Jawab satu soalan sahaja.

Peringkat Pembajaan	Keperluan nutrien sehektar		Baja	
	Jenis	Kg/ha	Jenis	Harga setiap 50 kg
Pembajaan asas	Nitrogen	50	Urea (46%)	RM 40.00
	Fosforus	70	CIRP (35% P ₂ O ₅)	RM 35.00
	Kalium	60	Muriat potasy (60% K ₂ O)	RM 50.00

Jadual 1

3. Jadual 1 menunjukkan maklumat pembajaan bagi jagung varieti *Mutiara KB* untuk kawasan seluas satu hektar.

Kaji maklumat dalam Jadual 1 dan hitungkan :

- (a) Keperluan baja Urea, CIRP dan Muriat potasy untuk program pembajaan jagung bagi kawasan seluas tiga hektar.

[9 markah]

- (b) Kos setiap baja yang digunakan.

[6 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

Jenis Baja	Kandungan Nutrien	Berat Baja Yang Disyorkan	Harga RM/50kg
Ammonium Sulfat	21 % N	400 kg	40.00
C.I.R.P.	35 % P ₂ O ₅	300 kg	35.00
Muriat Potasy	60 % K ₂ O	350 kg	50.00

JADUAL 2

4. Jadual 2 menunjukkan program pembajaan asas yang disyorkan untuk sejenis tanaman pada keluasan 1 hektar.

Berdasarkan maklumat dalam jadual, jawab soalan berikut.

(a) Hitungkan

- i. Berat unsur nitrogen (N) yang terkandung dalam baja Ammonium Sulfat yang digunakan. [3 markah]

- ii. Jumlah kos pembelian baja [7 markah]


- (b) Sekiranya baja C.I.R.P. digantikan dengan T.S.P. (44 % P₂O₅), hitungkan berat baja T.S.P. untuk keluasan tanaman seluas **2 hektar**. [5 markah]

Bahagian C

Jawab satu soalan sahaja.

5. (a) Huraikan langkah menentukan kesan kalsium karbida ke atas kemasakan buah pisang berdasarkan perkara-perkara berikut :
- i. Langkah eksperimen [7 markah]
- (b) Huraikan kaedah membiak pokok secara tut (markot) berdasarkan kepada perkara berikut;
- i. Bahan dan alatan [1 markah]
- ii. Langkah-langkah melakukan tut (markot) [7 markah]

6. Rajah 1 menunjukkan langkah-langkah dalam satu eksperimen untuk menentukan pH tanah.



RAJAH 1

Huraikan langkah-langkah menjalankan eksperimen tersebut berdasarkan:

- (a) Alatan dan Bahan. [2 markah]
- (b) Langkah eksperimen. [11 markah]
- (c) Langkah keselamatan. [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT